



No. Anggota:

كوپراسي فڪرجا ۲ جابتن فردان منتري (م) برحد

KOPERASI PEKERJA - PEKERJA JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA BERHAD

T. 02-U-03-2, No. 1, Jalan P9E/1, Precinct 9, 62250 Putrajaya

Tel: 03-8889 4191/ 03-8889 4063 Fax:03-8889 4204

Laman web: www.koopjpm.org.my

BORANG PERMOHONAN

KEMUDAHAN PEMBIAYAAN PERIBADI BAI AL-INAH

SATU PERJANJIAN JUAL BELI diperbuat pada _____ haribulan _____ tahun _____
antara KOPERASI PEKERJA - PEKERJA JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA BERHAD
(kemudian ini dipanggil "KOOP JPM") di satu pihak dan _____
(no.K/P _____) yang beralamat di _____

Kemudian daripada ini dipanggil "Pelanggan" dipihak yang satu lagi.

ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI bahawa KOOP JPM menjual kepada Pelanggan Aset bernilai RINGGIT MALAYSIA

(RM _____)

SAHAJA (kemudian daripada ini dipanggil "KEMUDAHAN") tertakluk kepada terma-terma yang dinyatakan di dalam jadual bersama ini dan tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan kemudian ini yang mana jadual serta syarat-syarat yang tersebut hendaklah bagi semua maksud membentuk sebahagian dan perjanjian ini.

SYARAT-SYARAT

1. Kemudahan ini hendaklah digunakan untuk komitmen persendirian, yang mana ianya tidak bercanggah dengan keperluan syariah.
2. KEMUDAHAN yang diberikan hendaklah termasuk lain-lain perbelanjaan yang dinyatakan.
3. Pelanggan hendaklah membayar kepada KOOP JPM ansuran bulanan kemudahan dalam tempoh yang telah dinyatakan di dalam seksyen 3 di dalam jadual.
4. Pelanggan hendaklah membayar kepada KOOP JPM apa-apa caj yang disebabkan oleh kelalaian atau keenganan pelanggan membuat bayaran.
5. Pelanggan hendaklah tanpa boleh membatalkan keanggotaan KOOP JPM sehingga bayaran, kemudahan ini dibayar sepenuhnya.
6. Sekiranya pelanggan gagal membayar ansuran bulanan pada tarikh matang, caj penalty sebanyak 1% setahun atau mana-mana kadar yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah akan dikenakan. Sekiranya KEMUDAHAN ini ditamatkan, semua amaun belum jelas patut dibayar dengan serta merta dan KOOP JPM akan mengenakan caj penalty keatas amaun patut dibayar pada kadar yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah dari tarikh matang sehingga tarikh amaun dibayar.
7. Pelanggan hendaklah membayar kepada KOOP JPM semua perbelanjaan (termasuk kos guaman atas dasar tanggung rugi penuh) berhubung dengan apa-apa prosiding undang-undang yang diambil oleh pihak KOOP JPM bagi menguatkuasakan peruntukan-peruntukan di dalam perjanjian ini.

JADUAL

SEKSYEN 1

TARIKH PERJANJIAN _____ HARIBULAN _____ TARIKH _____

SEKSYEN 2

HARGA BELIAN : RINGGIT MALAYSIA _____

SEKSYEN 3

HARGA JUALAN : RINGGIT MALAYSIA _____

SEKSYEN 4

TEMPOH ANSURAN KEMUDAHAN: _____

SEKSYEN 5

TARIKH BAYARAN ANSURAN : _____

TANDATANGAN PELANGGAN

NAMA:

NO. K. P:

TARIKH:

TANDATANGAN SAKSI

NAMA:

NO. K. P:

TARIKH:

PERJANJIAN PENJUALAN ASET

Pelanggan:
Harga Jualan:
Harga Belian:
Aset:

PERJANJIAN INI dibuat pada _____ haribulan _____ tahun

DIANTARA

1. Koperasi Pekerja-pekerja Jabatan Perdana Menteri Malaysia Berhad (kemudian ini disebut "KOOP JPM") sebuah Koperasi yang di daftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 yang mempunyai alamat berdaftar di T.02-U.03-2 No. 1, Jalan P9E/1, Precinct 9, 62250 Putrajaya sebagai satu pihak: DAN
2. PELANGGAN dimana namanya dinyatakan (kemudian dari ini disebut "Pelanggan" sebagai pihak yang satu lagi.

BAHAWASANYA

- A. Pelanggan telah memohon dan KOOP JPM telah meluluskan kemudahan Pembiayaan Peribadi Islam mengikut had maksimum yang dinyatakan kemudian dari ini disebut ("Kemudahan") tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di dalam perjanjian ini.
- B. Menurut prinsip Bai' Al-Inah (penjualan dan pembelian balik) dan prosedur pembiayaan KOOP JPM, KOOP JPM atas permintaan Pelanggan dengan ini bersetuju menjual Aset yang dinyatakan kemudian ini disebut ('Aset') dan Pelanggan dengan ini bersetuju membeli aset yang sama mengikut pertimbangan dan tertakluk kepada terma yang terkandung di dalam perjanjian ini

DENGAN INI PERSETUJUI seperti berikut:

1. Takrif

Semua terma dan rujukan di dalam perjanjian ini hendaklah melainkan dinyatakan sebaliknya mempunyai makna yang sama seperti di dalam surat tawaran.

2. Penjualan aset

- 2.2 Menurut prinsip Bai Al-Inah dan prosedur pembiayaan KOOP JPM, KOOP JPM atas permintaan Pelanggan, dengan ini menjual aset dan Pelanggan dengan ini membeli aset yang sama mengikut pertimbangan dan pada harga jualan ("Harga Jualan") yang dinyatakan tertakluk kepada terma yang terkandung di dalam perjanjian ini.
- 2.3 Dengan pemeeterian perjanjian ini, semua hak milik dan kepentingan aset hendaklah di pindah dan/ atau sepatutnya berpindah dari KOOP JPM kepada pelanggan.

3. Pembayaran Harga Jualan

Pelanggan bersetuju dan berjanji membayar Harga Jualan kepada KOOP JPM pada masa dan dalam keadaan seperti yang dinyatakan di dalam surat tawaran sehingga penyelesaian penuh dan terakhir.

4. Terma surat tawaran

Terma dan syarat di dalam surat tawaran dengan ini diulangi dan terikat keatas pelanggan, warisnya, wakil diri dan pengganti dan hendaklah dikuatkuasakan oleh dan untuk kepentingan KOOP JPM, warisnya dan pengganti Sekiranya terdapat sebarang konflik, maka terma-terma di dalam surat tawaran ini akan digunapakai.

MAKA DISAKSIKAN BAHAWA pihak-pihak dalam perjanjian ini menurunkan tandatangan mereka pada hari dan tahun yang dinyatakan di dalamnya.

Pelanggan

Bagi pihak Koop JPM

Nama:

Nama:

PERJANJIAN PEMBELIAN ASET

Pelanggan:
Harga Jualan:
Harga Belian:
Aset:

PERJANJIAN INI dibuat pada _____ haribulan _____ tahun

DIANTARA

PELANGGAN dimana namanya dinyatakan kemudian dari ini disebut ("Pelanggan") sebagai satu pihak dan Koperasi Pekerja-Pekerja Jabatan Perdana Menteri Malaysia Berhad sebuah Koperasi yang didaftarkan dibawah akta Koperasi 1993 ("KOOP JPM") sebagai pihak yang satu lagi.

BAHAWASANYA

- A. Pelanggan telah memohon dan KOOP JPM telah meluluskan kemudahan Pembiayaan Peribadi Islam mengikut had maksimum yang dinyatakan kemudian dari ini disebut ("Kemudahan") tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di dalam perjanjian ini.
- B. Menurut prinsip Bai' Al-Inah (penjualan dan pembelian balik) dan prosedur pembiayaan KOOP JPM, KOOP JPM atas permintaan Pelanggan dengan ini bersetuju menjual aset yang dinyatakan kemudian ini disebut ("Aset") dan KOOP JPM dengan ini bersetuju membeli aset yang sama mengikut pertimbangan dan tertakluk kepada terma yang terkandung di dalam perjanjian ini

DENGAN INI PERSETUJUI seperti berikut:

1. Takrif

Semua terma dan rujukan di dalam perjanjian ini hendaklah melainkan dinyatakan sebaliknya mempunyai makna yang sama seperti di dalam surat tawaran.

2. Pembelian aset

- 2.1 Berikutan dengan perjanjian Penjualan aset pada tarikh yang sama pelanggan sebagai pemilik yang sah dan / atau pemilik benifisial dengan ini menjual aset kepada KOOP JPM atas permintaan pelanggan membeli aset yang sama mengikut pertimbangan dan pada harga belian ("harga belian") yang dinyatakan tertakluk kepada terma yang terkandung di dalam perjanjian ini.
- 2.2 Dengan pemeeterian perjanjian ini, semua hak milik dan kepentingan aset hendaklah berpindah dan/ atau sepatutnya berpindah dari pelanggan kepada KOOP JPM

3. Penggunaan Harga Belian

Kedua-dua pihak dengan ini bersetuju bahawa Harga Belian hendaklah disediakan oleh KOOP JPM melalui pengeluaran cek berpaling kepada pelanggan selepas ditolak semua caj, atau apa-apa jua perbelanjaan yang berkaitan.

4. Tema surat tawaran

Terma dan syarat di dalam surat tawaran permohonan dengan ini diulangi dan terikat keatas pelanggan, warisnya, wakil diri dan pengganti dan hendaklah dikuatkuasakan oleh dan untuk kepentingan KOOP JPM, warisnya dan pengganti. Sekiranya terdapat sebarang konflik, maka terma-terma di dalam surat tawaran ini akan digunakan.

MAKA DISAKSIKAN BAHAWA pihak-pihak dalam perjanjian ini menurunkan tandatangan mereka pada hari dan tahun yang dinyatakan di dalamnya.

Bagi pihak Koop JPM

Pelanggan

Nama:

Nama: